

FESYEN

Rekaan dan fabrik harus sepadan

Oleh MERAN ABU BAKAR

REKAAN fesyen pakaian yang cantik sahaja tidak akan lengkap jika jenis fabrik yang dipilih untuknya tidak sesuai. Fabrik yang cantik memainkan peranan bagi mendapatkan hasil fesyen yang cantik dan memuaskan hati.

Walaupun sekadar rekaan yang mudah dan ringkas namun jika fabrik yang digunakan mahal, cantik dan berkualiti, ia tetap akan nampak menawan dan mahal. Tidak perlulah rekaan yang terlalu rumit asalkan jenis fabriknya cantik.

Pilihan jenis fabrik ini amat diambil berat oleh pemilik Flora Anggun Collection, Fazlinda Arshad, 34. Katanya, ramai pelanggannya lebih tertarik dengan pakaian yang dibuat daripada jenis fabrik yang cantik dan tidak kisah membayar lebih sedikit asalkan mendapat sesuatu yang disukai.

Tambahnya, apabila pelanggan tertarik dengan sesuatu fesyen itu, mereka akan membelek-belek pula jenis fabriknya. Fabrik yang lembut, tidak jarang, sedikit berkilat dan berat akan mudah menarik perhatian mereka.

Bagaimanapun, jika fabrik yang digunakan itu keras kejang, terlalu berkilat, nipis dan melekat, ia biasanya akan kurang diminati. Walaupun harganya lebih murah namun pelanggan akan berfikir dua kali sebelum membeli dan akhirnya akan membeli joga yang mahal sedikit.

Menurut Fazlinda yang berkelulusan Ijazah Sumber Manusia dari Universiti Putra Malaysia (UPM) ini, dia membuat pakaian wanita secara pukal di mana pelanggan boleh membeli pada harga yang lebih murah. Kebanyakan pelanggannya terdiri daripada mereka yang menjual secara dalam talian atau memiliki butik sendiri.

Namun demikian, dia tetap menjual secara runcit kepada pelanggan yang mahu memakai sendiri. Biasanya pelanggan yang datang akan membeli banyak umpamanya untuk dipakai sekeluarga sebagai pakaian tema majlis perkahwinan dan sebagainya.

Di antara rekaan pakaian yang dihasilkan ialah jubah, baju kurung moden, kebaya dan baju kurung pendek. Jubah rekaannya ringkas tanpa menggunakan sebarang perincian, namun rekaan yang dicampurkan dengan dua atau tiga warna untuk sepasang baju kini menjadi kesukaan pelanggan.

Baju kurung moden juga kini diperbuat daripada cantuman fabrik di antara beberapa jenis warna dan kita harus pandai memilih warna supaya rekaan tersebut nampak lembut dan menarik.

"Kebaya juga kini menjadi trend terutamanya kebaya pendek yang dipakai bersama kain batik atau kain songket. Saya mendapat ilham untuk membuat kebaya Kota Bharu dan sesuai untuk golongan remaja dan muda.

"Manakala baju kurung pendek, saya buat sedikit perubahan dengan membuat lengan yang kembang di bawah dan dipakai bersama kain songket. Rekaan-rekaan Flora Anggun ini adalah kontemporari dan boleh dipakai pada bila-bila masa atau majlis sama ada ke pejabat, majlis perkahwinan, berkunjung ke rumah orang semasa rumah terbuka dan sebagainya," kata Fazlinda yang banyak membuat kajian mengenai fesyen sebelum menghasilkan sebarang rekaan.



BAJU
kurung
pendek
dengan
lengan
yang
kembang.



Pakaian: **FLORA ANGGUN COLLECTION**, 1-93, Bangunan Kenanga Wholesale City, no.2, Jalan Gelugor, Kuala Lumpur (012-3477818), [HTTP: floraanggun.com](http://floraanggun.com) Solekan: **Ogy Roszy** (012-7888160)

JUBAH dan baju kurung moden diperbuat daripada cantuman fabrik beberapa jenis warna.